

23/09/1999

Negara perlu ekonomi berasas pengetahuan

ral Tazzif Hisham

SERDANG, Rabu - Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak akan berjaya tanpa penguasaan dan penekanan konsep ekonomi berasaskan pengetahuan yang mantap di Malaysia.

Setiausaha Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, berkata ekonomi sekarang perlu berubah kepada berasaskan ekonomi pengetahuan dan tidak lagi bergantung kepada kapasiti pengeluaran.

"Ekonomi pengetahuan berasaskan keupayaan berfikir dan kekuatan intelek yang mana ekonomi baru ini tidak boleh dirancang seperti ekonomi sekarang," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran persidangan dan pameran Multimedia Asia 99 (MMA 99) serta sesi perbincangan ahli panel.

MMA 99 adalah persidangan tahunan khusus membincangkan perkembangan MSC dan mendapatkan input serta pandangan daripada pakar teknologi maklumat (IT) tempatan dan antarabangsa.

Persidangan dan pameran yang berlangsung selama empat hari mulai hari ini dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut berdialog dengan peserta persidangan. Tema persidangan ialah 'MSC daripada visi ke realiti: Penyesuaian Semula Menghadapi Ekonomi Baru.'

Beliau berkata, ekonomi pengetahuan adalah konsep pemikiran cara baru dalam menguruskan pertumbuhan ekonomi yang mana konsep itu adalah pertama kali diperkenalkan di rantau ini.

"Konsep ini sedang hangat dibincang dan dibahaskan di negara ini kerana pertumbuhan ekonomi kali ini bukan berdasarkan modal, tetapi perkembangan daya intelek manusia," katanya.

Dr Tengku Azzman berkata, perancangan sedang dilakukan untuk merealisasikan konsep ini menggunakan MSC sebagai tapak ujian dan Agenda Teknologi Maklumat Negara (Nita) melalui lima teras utama iaitu e-pendidikan, e-sektor awam, e-ekonomi, e-kedaulatan dan e-masyarakat sebagai panduan.

Sehubungan itu, bagi mempercepatkan lagi perubahan ke arah pembentukan ekonomi pengetahuan masyarakat perlu bersedia menghadapi perubahan dan menanamkan sifat sentiasa ingin belajar sepanjang hayat.

"Masyarakat harus bersedia menggunakan teknologi, di samping sentiasa mengikuti perkembangan terkini melalui pelbagai seminar dan forum perbincangan," katanya.

(END)